



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING

Tarikh Dibaca :

**24 ZULKAEDAH 1443H/
24 JUN 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING****24 ZULKAEDAH 1443H / 24 JUN 2022**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ

وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Persiapkanlah bekalan secukupnya menuju hari akhirat dan ingatlah bahawa sebaik-baik bekal ialah takwa. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **“Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing”**.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma’ruf dan nahi munkar serta memelihara hubungan baik antara sesama manusia. Selain itu, teruslah berwaspada dengan ancaman wabak penyakit seperti Covid-19 dan penyakit tangan, kaki, dan mulut (HFMD) yang sedang merebak. Jagalah kebersihan kerana ia juga merupakan salah satu tuntutan yang sangat besar dalam Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Kesukarelawanan merupakan amalan yang terpuji dalam Islam. Setiap orang yang terlibat dalam kerja-kerja dan program-program kesukarelawanan diibaratkan nadi yang menjadi tunjang kekuatan ummah. Semangat kesukarelawanan akan mendorong manusia untuk terus hidup secara bermasyarakat dan berkongsi ukhuwah serta kasih sayang. Hakikatnya, para sukarelawan merupakan insan-insan yang berbudi dengan penuh keikhlasan sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah SWT seperti yang dibacakan pada awal khutbah sebentar tadi dalam Surah Ali Imran ayat 114:

“Mereka beriman kepada Allah dan hari akhir, menyuruh (berbuat) yang ma’ruf, dan mencegah dari yang mungkar dan bersegera (mengerjakan) pelbagai kebajikan. Mereka termasuk orang-orang soleh”.

Berdasarkan ayat ini, asas-asas utama yang perlu dititikberatkan dalam kerja-kerja kesukarelawanan ialah memelihara hubungan yang rapat dengan Allah SWT (*hablu min Allah*) dan pada waktu yang sama, memelihara hubungan sesama manusia (*hablu minan-nas*). Islam memberikan petunjuk dengan menggalakkan amalan kesukarelawanan melalui konsep *fastabiqul khairat* seperti ayat al-Quran tadi, iaitu berlumba-lumba membuat kebajikan. Sebahagian dalam kalangan mereka langsung tidak dikenali, malah tidak ingin untuk mendapatkan publisiti, bahkan mereka sanggup bersusah payah untuk menyumbangkan tenaga, masa dan wang ringgit semata-mata untuk kesejahteraan ummah. Justeru, umat Islam seharusnya tampil menjadi sebahagian daripada para sukarelawan untuk berkongsi khidmat serta bersedia mencurahkan keringat bagi membantu insan-insan yang memerlukan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Islam menekankan kepentingan roh pengorbanan (*ruh al-tadhhiyah*) wujud dalam diri seorang muslim dan inginkan balasan pahala di akhirat kelak. Dengan roh ini, seorang muslim akan lebih bersedia untuk membantu dan membela golongan yang terbiar, tertindas dan memerlukan bantuan.

Orang yang sanggup berkorban dan melakukan kerja-kerja kesukarelawanan dipanggil “sukarelawan” bagi lelaki dan “sukarelawati” bagi perempuan. Namun, dalam konteks

penggunaan dan pengamalan harian, apabila disebut “sukarelawan”, ia boleh mewakili sukarelawan lelaki dan juga sukarelawan perempuan. Manakala sukarelawan Islam pula ialah sukarelawan muslim yang melakukan kerja-kerja kesukarelawanan dengan ikhlas kerana Allah SWT, menjaga sahsiah Islam, memelihara batas-batas syara’ dan membawa misi dakwah Islam.

Konsep kesukarelawanan dalam Islam membawa erti yang amat bermakna. Ia disamaertikan dengan perbuatan yang ikhlas dan tidak mengharapkan sebarang ganjaran bagi tujuan yang murni. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa sesebuah tamadun yang maju mestilah mempunyai sebuah masyarakat yang memiliki semangat kesukarelawanan yang tinggi. Justeru, kesukarelawanan merupakan pelengkap kepada pembangunan sesebuah masyarakat atau negara. Tanpa semangat kesukarelawanan yang tinggi dalam kalangan individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi, kejayaan membangunkan masyarakat dan negara tidak akan tercapai dengan sempurna.

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَنْفَعِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa antara kamu yang mampu memberikan manfaat kepada saudaranya maka hendaklah dia bersegera memberikan manfaat kepadanya”. **(Sahih Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ajaran Islam memberi satu perspektif indah kepada kesukarelawanan melalui konsep fardu kifayah, iaitu beban tanggungjawab sosial wajib ditanggung bersama. Konsep ini menggariskan kewajipan melaksanakan tanggungjawab sosial kepada seseorang individu, sekiranya masih belum ada mana-mana anggota dalam sesebuah masyarakat terbabit yang telah melaksanakannya. Sebaliknya, beban dosa akibat kegagalan dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial terbabit ditanggung oleh setiap ahli masyarakat.

Contoh awal konsep kesukarelawanan dalam kehidupan manusia telah dizahirkan dalam masyarakat Islam Madinah di bawah kepimpinan junjungan besar Nabi Muhammad SAW, yang sebelumnya berpecah-pecah akibat sikap tamak dan mementingkan diri sendiri yang

tertanam dalam lubuk keberadaan masyarakat Arab. Masjid Nabawi yang tersergam indah di Madinah juga merupakan sebuah manifestasi sumbangan kesukarelawanan melalui khidmat tenaga dan wang. Tentera yang mempertahankan Madinah daripada serangan puak kafir Quraisy Makkah juga terdiri daripada golongan sukarelawan yang mengharapkan keredhaan Allah SWT semata-mata.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ



Maksudnya: *“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat seeksaan-Nya”.*

Dalam hal ini, agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui penyelarasan JAKIM telah melaksanakan Program Musaadah sejak tahun 2020 dengan kos perbelanjaan Tabung Musaadah JAKIM - Yayasan Waqaf Malaysia berjumlah RM 8,748,498.57. Jumlah ini melibatkan penerima manfaat seramai 43,742 orang di seluruh Malaysia. Manakala untuk tahun 2022 sahaja, sebanyak RM 878,450.40 telah dibelanjakan kepada 4,392 orang penerima manfaat. Sebahagian besar sumbangan ini juga termasuk datangnya dari sumbangan para dermawan yang sukarela dan ikhlas ingin turut membantu orang yang memerlukan padan dengan ungkapan *“berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”*. Mudah-mudahan Allah SWT membalas segala sumbangan dengan kebaikan yang banyak dan menjadikannya pahala jariah yang terus mengalir sampai bila-bila.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Khatib ingin mengambil kesempatan melalui mimbar pada hari ini, menyeru seluruh masyarakat supaya sentiasa mengikhlaskan diri dalam melaksanakan tanggungjawab kesukarelawanan dan menyemai semangat tolong-menolong ke arah kebaikan. Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, berikut beberapa rumusan yang perlu kita hayati bersama:

Pertama: Kesukarelawan merupakan suatu khidmat yang dipandang mulia di sisi Islam.

Kedua: Konsep “*fastabiqul Khairat*” dan “*ta’awanu ‘alal birri wat taqwa*” menjadi tunjang kekuatan semangat kesukarelawan dalam Islam.

Ketiga: Setiap muslim wajar mempunyai jiwa suci untuk membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira tenaga, masa atau pun wang ringgit.

Renungkanlah firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ
 ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “Kamu merupakan umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.